

27 OCT 1999

ICAAP

PEMBUAT DASAR HARUS MAIN PERANAN LEBIH AKTIF MENGENAI HIV/AIDS

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Pembuat dasar harus memainkan peranan lebih aktif dan serius mengenai penghidap dan penyakit HIV/AIDS, kata Presiden Majlis AIDS Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir.

Marina, yang juga Pengerusi Kongres Antarabangsa AIDS di Asia Pasifik (ICAAP) Kelima, berkata penglibatan mereka secara langsung adalah penting dalam melengkapkan diri dengan perkembangan semasa penghidap dan penyakit HIV/AIDS.

"Sungguhpun isu-isu paten, Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) dan penyediaan perubatan itu rumit dan sukar difahami, ia tetap perlu dipelajari oleh semua pihak yang terlibat dalam menentukan dasar dan arah tujuan memerangi penyakit HIV/AIDS, " katanya semasa berucap pada majlis penutupan ICAAP di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

ICAAP merupakan persidangan dwi-tahunan membincangkan pelbagai persoalan mengenai HIV/AIDS termasuk isu-isu politik, ekonomi, sosial, pendidikan dan saintifik.

Persidangan selama lima hari itu telah disertai 3,026 peserta dari 67 buah negara termasuk Malaysia.

Marina berkata ICAAP adalah kritikal dan penting bagi Malaysia, yang boleh digunakan sebagai wadah oleh Malaysia dalam mempersiapkan dirinya dalam menyekat penyebaran HIV/AIDS di kalangan masyarakatnya.

Persidangan ICCAP ke-5 itu lebih menekankan aspek persoalan masalah penyakit HIV/AIDS yang semakin kritikal menjelang ke abad baru tanpa membuat sebarang deklarasasi seperti pada persidangan yang lepas.

Persidangan ICAAP ke-6 akan berlangsung pada tahun 2001 di Melbourne, Australia.

-- BERNAMA

MEO RHM